

## YAP AH LOY SEBAGAI KAPITAN CINA KUALA LUMPUR

Chong Soon Fook\*

Peranan Kapitan Cina amat penting, khususnya di bawah sistem pentadbiran Inggeris yang bercorak pemerintahan secara tidak langsung atau ‘‘indirect rule’’ di Tanah Melayu.<sup>1</sup> Sebenarnya British sendiri tidak dapat menjamin keselamatan dan kedudukan orang-orang Cina. Tambahan lagi kebanyakan pegawai-pegawai Inggeris tidak memahami bahasa dan adat-resam orang-orang Cina. Jadi untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan supaya kepentingan ekonomi Inggeris dapat dijamin maka pihak kerajaan Inggeris memerlukan pertolongan pentadbiran dari sistem Kapitan Cina.

Yap Ah Loy dapat menikmati kuasa-kuasa autonomi di dalam pemerintahan kebanyakan hal-hal masyarakat Cina. Di sepanjang pemerintahannya mulai dari tahun 1870 hingga ke tahun 1879, beliau telah mengeluarkan beberapa undang-undang baru untuk mengatasi masalah perompakan dan kecurian. Yap Ah Loy mempunyai kuasa autonomi memerintah Kuala Lumpur sehingga 1879, kerana pada tahun itu seorang magistret Inggeris telah dilantik mengambil alih fungsi perundangan Yap Ah Loy. Pada pratiknya, asalkan tidak timbul apa-apa masalah, pihak Inggeris tidak akan campur tangan ke atas pentadbiran Yap Ah Loy.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun kejayaan atau kegagalan kepemimpinannya bergantung kepada kebolehannya memimpin, sifat-sifat charisma serta cara-cara bagaimana beliau mendapatkan sokongan dan penghormatan bukan sahaja dari masyarakat Cina tetapi juga dari pemimpin-pemimpin Melayu dan kerajaan Inggeris.

---

\*Penulis ialah lulusan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1984. Artikel ini merupakan sebahagian daripada Latihan Ilmiah beliau yang belum diterbitkan berjudul ‘‘Yap Ah Loy: Satu Biografi Tentang Ketokohan dan Kepimpinannya, 1854 – 1885’’.

1 Mak Lau Fong, *The Sociology of Secret Societies, A Study of Chinese Secret Societies in Singapore and Peninsula Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, h. 22.

2 Emily Sadka, *The Protected Malay States, 1874 – 1895*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, h. 303.

## YAP AH LOY SEBAGAI PENGADIL DAN PENDAMAI

Yap Ah Loy menjalankan tugasnya dengan penuh semangat dan dedikasi. Oleh kerana masyarakat Cina pada masa itu tidak memahami undang-undang barat maka Yap Ah Loy telah menggunakan hak kuasa autonominya dan mengeluarkan undang-undang baru untuk mengikis kejadian jenayah, khasnya aktiviti-aktiviti mencuri barang-barang dan merompak. Seseiapa yang didapati mencuri barang, pada kali pertamanya akan dihukum mengangkut barang yang dicurinya mengelilingi bandar Kuala Lumpur. Jika kesalahan itu diulangi hukumannya ialah satu daripada telinganya akan dipotong sebagai ingatan jangan mencuri lagi. Mereka yang melakukan kesalahan itu secara berturut-turut tanpa sebab-musabab yang munasabah akan dihukum bunuh.<sup>3</sup>

Undang-undang dan hukuman-hukuman itu dikuatkuasakan oleh Yap Ah Loy ke atas masyarakat Cina di Kuala Lumpur pada masa itu. Ianya tidak ada kena-mengena dengan undang-undang Inggeris.

Yap Ah Loy telah membina sebuah penjara di Kuala Lumpur, yang terletak berhampiran dengan kawasan jam besar yang ada di Kuala Lumpur pada hari ini. Penjara itu dapat memuatkan enam puluh banduan.<sup>4</sup> Untuk mengawal penjara dan menjalankan tugas-tugas menjaga keselamatan bandar Kuala Lumpur beliau telah mengupah ramai pengawal yang terdiri daripada orang-orang yang mahir dan terlatih di dalam ketenteraan.<sup>5</sup> Pengawal-pengawal itu kebanyakannya dibawa masuk dari negara China. Mereka semuanya adalah ahli-ahli kongsi gelap Hai San di bawah kepimpinan Yap Ah Loy. Oleh itu mereka amat taat setia kepada Yap Ah Loy.

Sering kali terdapat perompakan bijih timah di sepanjang perairan Sungai Kelang ke Kuala Lumpur, tetapi sejak Yap Ah Loy menguatkuasakan hukuman-hukuman yang berat ke atas kes-kes perompakan dan kecurian maka tiadalah berlaku kegiatan jenayah itu lagi.

Satu masalah yang biasa berlaku ialah pergaduhan di antara orang-orang Cina megenai tanah-tanah bijih timah ataupun salah faham

<sup>3</sup> L.F., Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya*, Singapore, 1959, h. 207, lihat juga Ranu Dally, *Yap Ah Loy — Captain China*, Donald Moore Press, Singapore, 1969.

<sup>4</sup> S.M. Middlebrook, "Yap Ah Loy (1837 – 1885)", *JMBRAS*, vol. 24, pt. 2, July 1951, h. 31, lihat juga L.F. Comber, op. cit., h. 207 dan juga Isabela L. Bird, *The Golden Chersonese, Travels in Malaya in 1879*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980 h. 192 – 193.

<sup>5</sup> S.M. Middlebrook, op. cit., h. 31.

di antara pihak pemerintah dengan masyarakat Cina.<sup>6</sup> Terdapat keskes yang tidak diselesaikan oleh kerajaan Inggeris, malahan mereka tidak tahu selok-belok mengenainya. Penyelesaian pergaduan dan salah faham di antara masyarakat Cina itu memerlukan seorang yang mempunyai wibawa dan kuasa tertentu, di mana beliau diiktiraf oleh masyarakat Cina. Mereka tidak menerima undang-undang Inggeris. Masyarakat Cina di Tanah Melayu mempunyai “undang-undang” tersendiri, yang berpuncu daripada etika-etika dan falsafah Cina. Hanya ketua mereka sahaja dapat menyelesaikan masalah-masalah itu. Masalah ini dilaporkan oleh Syers seperti berikut<sup>7</sup>:

I consider the Chinese of Ulu Selangor require a lesson to show them they cannot resist the police with impunity. There are a large number of Chinese in this country who think the only form of government worthy of attention is that of their own Headman, this feeling I need not add is one liable to cause much trouble to the government unless speedily checked . . . .

Yap Ah Loy ialah seorang ketua yang dapat menyelesaikan masalah tersebut. Ini disebabkan masyarakat Cina enggan orang lain campur tangan menyelesaikan masalah-masalah mereka, melainkan ketua mereka.<sup>8</sup> Dari itu beliau dapat membuktikan ketokohan dan kewibawaannya sebagai seorang Kapitan Cina.<sup>9</sup> Contohnya dapat dilihat di dalam peristiwa pertelingkahan di antara orang-orang Cina dari suku Hakka dengan pihak polis di Ulu Selangor pada tahun 1880.<sup>10</sup> Pada 31hb. Ogos, 1880, Pengguna Polis Inggeris, Superintendent Syers melaporkan kepada Douglas, Resident Selangor, bahawa polis di Ulu Selangor telah diserang oleh sekumpulan orang Cina dari suku Hakka yang diketuai oleh Towkay Ah Moy.<sup>11</sup> Akibat daripada serangan tersebut seorang pekerja Cina telah ditangkap. Akan tetapi polis terpaksa membebaskan beliau kerana takut bertelagah dengan

6 Lihat *Selangor Secretarial File (SSF)*, bil. 272/1880, Superintendent of police Selangor to British Resident Selangor, Douglas: Relating the disturbances in Ulu Selangor and the arrest of those concerned, dated 7 September, 1880.

7 *Ibid.*

8 Kenyataan ini disahkan oleh laporan dari Jabatan Siasatan Jenayah Polis di Raja Malaysia. Lihat *Surat dari Dato' Abdul Rahman b. Hj. Ismail*, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis di Raja Malaysia, yang bertarikh 23 Disember, 1984, h. 9.

9 Temubual dengan Dr. Cheu Hock Tong pada 2 November 1983. Beliau bersetuju dengan pendapat penulis bahawa Kapitan Cina ialah seorang ketua masyarakat Cina yang mempunyai wibawa dan kuasa tertentu. Biasanya beliau juga adalah ketua kongsi gelap. Oleh itu beliau dapat menolong masyarakat Cina untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka.

10 Syers kepada Douglas, 7 September, 1880, dalam SSF, bil. 272/1880.

11 Surat bertarikh 31 Ogos 1880, dalam SSF, bil. 272/1880, nama Towkay Ah Moy juga disebut sebagai Towkay Ah Mang, lihat juga surat bertarikh 13 September, 1880 dalam SSF, bil. 272/1880.

mereka.<sup>12</sup> Oleh hal yang demikian Syers merayu kepada Douglas supaya mengeluarkan surat kuasa atau “Warrant of Arrest” untuk menangkap Towkay Ah Moy dan juga mereka yang terlibat di dalam rusuhan tersebut.

Mengikut siasatan lanjutan Syers, pada 7 September 1880, rusuhan itu berlaku kerana suku Cina Hokkien telah membina sebuah “bilik percucian” atau “Water closet”<sup>13</sup> di hadapan “rumah datuk”<sup>14</sup> suku Hakka, tempat mereka sembahyang. Perbuatan itu menyebabkan masyarakat Hakka cuba merobohkan bilik percucian tersebut, lantaran itu satu pertelingkahan berlaku. Pihak polis telah memihak kepada suku Hokkien dan berjaya menangkap salah seorang Hakka yang terlibat di dalam peristiwa itu. Pada ketika itu Towkay Ah Moy bersama-sama dengan pekerja-pekerjanya cuba menyelamatkan sahabat mereka. Kemudian ramai lagi orang suku Hakka membuat “protest” serta memberi amaran ingin membakar Balai Polis Ulu Selangor. Kumpulan-kumpulan baru itu diketuai oleh Towkay Ah Sing dan Ah Pong.<sup>15</sup> Nasib baik orang-orang Melayu tempatan, termasuk seorang Panglima Garang bersama-sama dengan pihak polis mempertahankan keselamatan Balai Polis itu. Syers, sebagai Pengguna Polis Selangor, telah tiba di situ dan berjaya menangkap semua towkay-towkay dan lain-lain orang yang terlibat. Anehnya mereka dengan tenang membiarkan Syers menjalankan tugasnya.

Yap Ah Loy sebagai seorang Kapitan Cina yang bertanggung-jawab untuk melindungi hak-hak suku Hakka bersama-sama dengan Yap Ah Shak telah menulis satu rayuan pada 13 September 1880 kepada Resident British, Douglas. Di sini nampaknya cerita yang

12 Surat bertarikh, 31 Ogos 1880, dalam SSF, bil. 272/1880.

13 “Water Closet” di sini bermaksud sebuah bilik kecil untuk mandi, membersihkan badan, mencuci pingan-mangkuk, baju dan sebagainya. Ianya juga disebut oleh Yap Ah Loy sebagai “Privy House” atau bilik persendirian, tetapi membawa maksud yang sama. Lihat Surat bertarikh, 13 September, 1880, dalam SSF, bil. 272/1880.

14 ‘Rumah Datuk’ ialah suatu tempat sembahyang orang-orang Cina, biasanya di bawah sepohon pokok besar atau di simpang-simpang jalan dan mungkin juga pada batu yang besar. Dipercayai benda-benda itu adalah keramat. Biasanya di situ satu perlindungan yang berupa seperti pondok kecil dibina dan di dalamnya diletakkan sekeping papan berwarna merah dengan tulisan-tulisan Cina yang berunsur keagamaan. Pada hari-hari tertentu, yang penting kepada pelombong-pelombong seperti hari pemungutan bijih timah, towkay-towkay lombong itu akan mengadakan sembahyang dan pemujaan semangat “Datuk” itu. Seekor kambing biasanya disembelih untuk tujuan tersebut.

15 Surat bertarikh 7 September, 1880, dalam SSF, bil. 272/1880.

diutarakan oleh Yap Ah Loy berbeza dari laporan yang direkodkan oleh Syers. Mengikut Yap Ah Loy, seorang Hokkien bernama Choo Chin telah membina sebuah bilik percucian yang berhampiran dengan kedai-kedai towkay Cina di situ. Ini menyebabkan tempat di sekitar itu berbau busuk dan kotor. Memandangkan keadaan itu, towkay-towkay di situ telah berunding dengan Choo Chin supaya bilik percucian itu dirobohkan dan dipindahkan ke tempat yang sesuai. Choo Chin juga bersetuju dengan cadangan itu. Kemudian, para towkay memberitahu kepada kopral yang bertugas mengenai perkara itu. Satu kempen memungut derma diadakan. Setelah pungutan derma itu mencukupi, maka dua orang Hakka disuruh merobohkan bilik percucian tersebut. Semasa mereka sedang merobohkan bilik itu seorang kopral menangkap mereka tanpa usul periksa.<sup>16</sup> Pada ketika itu Towkay Ah Mang yang berada di situ bertanya kepada kopral itu mengapa mereka diberkas? Walau bagaimanapun kopral itu terus menghantar dua orang yang telah diberkas ke Balai Polis tanpa menghiraukan pertanyaan towkay tersebut. Ini menyebabkan Towkay Ah Mang marah. Akibat itu salah faham timbul di situ. Kopral itu menganggap Towkay Ah Mang akan mengumpulkan masyarakat Hakka untuk menyerang pihak polis serta juga membakar balai itu. Kebetulan pula pada masa itu sekumpulan pekerja-pekerja Hakka sedang mengangkut bijih-bijih timah mereka melalui balai tersebut untuk dijual. Akibat daripada huru-hara itu mereka singgah di situ. Keadaan itu menyebabkan polis-polis yang bertugas bertambah cemas dan takut kemungkinan akan berlaku sesuatu. Terdapat sebahagian besar pekerja-pekerja Cina<sup>17</sup> yang memegang buluh-buluh tajam, yang sebenarnya digunakan untuk mengangkut bijih-bijih timah. Towkay-towkay itu juga memberi pengakuan bahawa mereka tidak berniat untuk membakar Balai Polis kerana rumah-rumah mereka juga dekat dengan Balai Polis dan sekiranya balai itu dibakar maka rumah-rumah mereka turut dihanguskan.

Rayuan Yap Ah Loy dan Yap Ah Shak adalah bertujuan untuk memadamkan segala konflik dan salah faham di antara pihak polis dengan masyarakat Cina di Ulu Selangor. Mereka juga merayu agar towkay-towkay yang diberkas serta pekerja-pekerja mereka dibebaskan.<sup>18</sup> Akhirnya setelah disiasat secara terperinci Pengusa Polis, Syers, mengakui peristiwa itu adalah akibat salah faham pihak polis. Mereka tidak memahami bahasa dan adat resam orang-orang

16 Yap Ah Loy kepada Douglas 13 September, 1880, dalam *SAF* bil. 272/1880.

17 Pekerja-pekerja Cina di sini bermaksud pekerja-pekerja Cina berketurunan suku Hakka Fui Cheiw.

18 Surat bertarikh 13 September, 1880, dalam *SSF*, bil. 272/1880.

Cina. Selepas peristiwa itu, melalui kerjasama dengan Yap Ah Loy di negeri Selangor tiada dilaporkan apa-apa kes jenayah yang serius. Atas kejayaan itu Syers sendiri merakamkan jasa-jasa Yap Ah Loy sebagai seorang Kapitan Cina yang berkebolehan dan disanjungi.<sup>19</sup>

Satu lagi contoh di mana pihak polis tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah masyarakat Cina ialah berkenaan dengan rusuhan di antara sekumpulan pendayung-pendayung sampan Cina dengan pekerja-pekerja lombong bijih timah pada tahun 1881.<sup>20</sup> Akibat campur tangan polis, Ibu Pejabat Poli di Bukit Aman itu telah diserang oleh pendayung-pendayung sampan itu.<sup>21</sup> Akhirnya kes tersebut juga diselesaikan melalui bantuan Yap Ah Loy.

Laporan Syers mengatakan serangan itu berlaku akibat daripada kesan kebakaran sebuah rumah kongsi yang teletak di sebelah kanan tebing Sungai Kelang. (Sila lihat gambarajah di bawah).

Pendayung-pendayung sampan seramai tujuh puluh orang telah berniat jahat terhadap pekerja-pekerja lombong bijih timah di situ. Pada 31 Januari 1881, pada pukul 6.30 pagi, pendayung-pendayung sampan itu bermain mercun di tebing Sungai Kelang di sekitar bandar Kuala Lumpur. Mereka sengaja membuang mercun-mercun yang telah dinyalakan itu ke dalam sebuah kongsi pekerja-pekerja lombong bijih timah. Keadaan itu menimbulkan huru-hara bahkan satu kebakaran berlaku di situ.


Sarjan Mat dan polis-polis lain yang menjalankan tugas semasa itu bersama-sama dengan pekerja-pekerja lombong berjaya memadamkan api itu. Kopral Sally, seorang daripada anggota polis, berjaya menangkap salah seorang daripada pendayung-pendayung sampan yang terlibat di dalam kes kebakaran itu. Sahabat-sahabatnya yang ain kemudian mengumpulkan seramai dua ratus orang lalu meminta polis melepaskan sahabat mereka yang ditahan.

Pihak polis terpaksa mempertahankan diri dan di dalam pertembungan itu polis telah menggunakan senjata pistol, manakala pasukan pendayung-pendayung Cina bersenjata parang, pisau, kayu, batu dan

19 J.P. Roger, Acting British Resident Selangor, *Selangor Annual Report 1886*, h. 7, para 42 hingga para 46, lihat juga Frank Swenttenham, *Selangor Annual Report 1887*, h. 9.

20 Syers kepada Resident Selangor, 31 Januari 1881, dalam SSF bil. 57/1881.

21' *Ibid.*, Pendayung-pendayung di sini bermaksud mereka yang mendayung sampan untuk membawa barang-barang di sepanjang Sungai Kelang, sebagai mata pencarian mereka.



Gambarajah Menunjukan Pertelagahan di antara Pendayung-Pendayung Sampan dengan Pihak Polis

lain-lain lagi.<sup>22</sup> Akibat daripada itu, dilaporkan bahawa dua orang Cina telah ditembak mati dan empat belas diberkas.<sup>23</sup>

Pihak yang berkuasa pada masa itu mengumumkan darurat buat sementara. Yap Ah Loy sebagai ketua masyarakat Cina Kuala Lumpur diberitahu tentang peristiwa pertumpahan darah itu.<sup>24</sup> Penguasa Polis Syers sendiri berjumpa dengan Yap Ah Loy dan membincangkan

22 Syers kepada Resident Selangor, 1 Februari 1881, dalam SSF, bil. 57/1881 yang bertajuk, Serious Disturbances between Macao Chinese and police.

23 Syers kepada Residen Selangor, 31 Januari, 1881, dalam SSF, bil. 57/1881.

24 Syers kepada Residen Selangor, 1 Februari, 1881, dalam SSF, bil. 57/1881.

bagaimana untuk menyelesaikan masalah itu. Setelah disiasat, Yap Ah Loy dan pihak polis bersetuju bahawa pendayung-pendayung Cina itulah yang bersalah dan mereka patut bertanggungjawab ke atas huru-hara itu.

Syers meminta jasa baik Yap Ah Loy supaya menggunakan kuasa dan pengaruhnya sebagai Kapitan Cina dan ketua kongsi gelap Hai San Kuala Lumpur untuk menerangkan kepada masyarakat pendayung-pendayung bahawa mereka melakukan kesalahan dan patut dihukum. Walau bagaimanapun demi untuk mengatasi segala konflik dan salah faham pihak polis amat mengharapkan masyarakat pendayung-pendayung bersabar dan menyelesaikan masalah itu secara damai.

Yap Ah Loy mengadakan satu perhimpunan dengan masyarakat pendayung-pendayung itu. Beliau menerangkan bahawa mereka itu bersalah kerana membuat kacau-bilau, sehingga menyebabkan kebakaran. Jadi pihak polis membuat tindakan memadamkan api itu dan cuba mengawal keadaan, tetapi pendayung-pendayung itu menyerang mereka. Di dalam keadaan kecemasan, polis terpaksa mempertahankan diri, akibat itu dua sahabat mereka ditembak mati. Yap Ah Loy menjelaskan bahawa mereka tidak boleh menyalahkan pihak polis.

Masyarakat pendayung-pendayung itu diberi nasihat bertolak-ansur dengan pihak polis dan berdamai dengan pekerja-pekerja lombong. Di samping itu Yap Ah Loy juga berjanji untuk menjaga keselamatan dan kebajikan mereka. Akhirnya melalui bantuan Yap Ah Loy masyarakat pendayung itu bersetuju bekerjasama dengan polis untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat Cina Kuala Lumpur.

Di dalam kes-kes yang tertentu Yap Ah Loy juga disuruh membantu kerajaan Inggeris untuk menyelesaikan masalah-masalah, khususnya berkenaan dengan pekerja-pekerja lombong bijih timah dengan majikan-majikan mereka. Ini disebabkan pihak berkuasa tidak tahu cara masyarakat Cina menyelesaikan masalah-masalah mereka.<sup>25</sup> Kebanyakan masalah-masalah itu timbul akibat daripada gaji, ataupun perbuatan melanggar syarat-syarat perjanjian di antara majikan dengan pekerja.

### YAP AH LOY DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT CINA

Satu daripada peranan Yap Ah Loy yang penting ialah dalam bidang kebajikan masyarakat Cina Kuala Lumpur. Yap Ah Loy ialah seorang

<sup>25</sup> SSF, bil. 256/1883, Colonial Secretary to Resident of Selangor bertajuk: Ask the Captain China to remove the differences between the Chinese miners and their employers at the mines.

dermawan yang murah hati. Di antara aktiviti kebajikan masyarakatnya ialah menderma kepada kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao, supaya orang-orang Cina Kuala Lumpur dapat menjalankan ibadat mereka.<sup>26</sup> Yap Ah Loy juga membina sebuah hospital untuk menjaga kesihatan dan memberi rawatan kepada masyarakat Cina. Di bidang pelajaran Yap Ah Loy membina sekolah-sekolah Cina dengan tujuan memberi pendidikan kepada masyarakat Cina. Akhir sekłai beliau menolong orang-orang Cina, khususnya mereka yang ingin bermiaga dengan memberi pinjaman serta menjadi penjamin bagi pihak yang meminjam dari kerajaan.<sup>27</sup>

Kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao di Jalan Bandar Kuala Lumpur itu dibina oleh Yap Ah Loy.<sup>28</sup> Ianya bukan sahaja merupakan tempat beribadat orang-orang Cina tetapi juga tempat pengemis-pengemis meminta sedekah dan bantuan.

Orang-orang Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu pernah mengalami banyak masalah dan cabaran di dalam kehidupan mereka. Mereka telah melibatkan diri di dalam peperangan Kuala Lumpur, serta juga pernah melihat rakan-rakan mereka dibunuh dan tidak kurang juga yang meninggal dunia akibat diserang penyakit. Oleh yang demikian salah satu daripada keperluan masyarakat Cina yang penting ialah keperluan kerohanian, yakni untuk mententeramkan jiwa dan memberi semangat hidup yang bererti. Tambahan lagi mereka percaya kepada semangat. Untuk memenuhi keperluan tersebut Yap Ah Loy telah mendermakan dengan murah hati kepada kuil Hsien Sze Shih Yeh Miao. Yap Ah Loy merupakan seorang pemimpin masyarakat Cina yang menjaga dan memelihara kebudayaan dan kepercayaan masyarakat Cina Kuala Lumpur,<sup>29</sup>

26 Rev. Charles Letessier, "Si Sen Ta, A Chinese Apotheosis," *Selangor Journal*, 16th June 1893, Vol. 1, No. 20, 320 – 322. Temubual dengan En. Yap Swee Hin, beliau mengatakan Yap Ah Loy ialah seorang dermawan yang terkemuka. Yap Ah Loy selalu menderma sebahagian daripada keuntungan tahunannya kepada orang-orang miskin, kuil, hospital dan sebagainya.

27 SSF, bil. 357/1883, Ask for the loan of \$500 to be paid off in 4 months — Surety Yap Ah Loy.

28 Temubual dengan beberapa pengemis di kawasan kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao pada 20 Ogos, 1983.

29 Maxwell, *Selangor Journal*, No. 1, Vol. III, 21 September, 1894, h. 17,. Temubual dengan En. Yap Swee Hin. Beliau mengatakan Yap Ah Loy ialah seorang yang amat percaya kepada semangat dan perkara-perkara keramat. Ini dapat disahkan dengan pemujaan semangat Kapitan Cina, Shin Kap di kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao oleh Yap Ah Loy. Dikatakan semasa peperangan Kuala Lumpur beliau pernah meminta pertolongan dan petunjuk daripada keramat tersebut.

sehingga semangat di kuil tersebut telah menjadi satu kulta di kalangan masyarakat Cina Kuala Lumpur. Maxwell semasa melawat Kuala Lumpur pernah mencatatkan di dalam Selangor Journal bahawa di dalam kuil itu terdapat dua patung yang mewakili semangat keramat. Semangat itu dipercayai dapat menghubungi masyarakat Cina dan menolong mereka menyelesaikan masalah. Dilaporkan oleh Letessier seorang “Medium” atau orang perantaraan yang alim di dalam ilmu pemujaan semangat akan berhubung dengan semangat di kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao dan meminta bantuan darinya.<sup>30</sup>

Yap Ah Loy juga menjaga kepentingan pekerja-pekerja seperti memberi rehat yang cukup kepada mereka. Biasanya pada hari-hari kebesaran mereka diberikan cuti dan wang bonus untuk belanja makan minum dan bersuka-ria. Pada hari-hari tertentu beliau mengumumkan bahawa semua lombongnya di sekitar Kuala Lumpur ditutup buat sementara supaya pekerja-pekerjanya dapat rehat. Mereka mengambil kesempatan tersebut bermain judi atau mencari pelacur.<sup>31</sup>

Satu lagi kebajikan Yap Ah Lo ialah membina sebuah hospital untuk memberi rawatan percuma kepada orang-orang miskin. Kemudahan perubatan dan hospital itu amat penting pada masa itu. Ramai penghijrah-penghijrah Cina semasa itu buta huruf dan tidak tahu bagaimana untuk menjaga kesihatan mereka. Dilaporkan bahawa ramai di antara pekerja-pekerja lombong dan buruh-buruh kasar mengidap penyakit seperti malaria, taun, penyakit kelamin, batuk kering dan sebagainya.<sup>32</sup>

Pada mulanya hospital yang dibina oleh Yap Ah Loy diawal tahun 1870an itu tidak mempunyai doktor, ia hanya merupakan sebuah tem-

30 Rev. Charles Letessier, *op. cit.* h. 321 – 322. Dalam lawatan pada 20 Ogos, 1983 ke Hsien Szu Shih Yeh Miao, Jalan Bandar, Kuala Lumpur, penulis melihat sendiri seorang surirumah berumur kira-kira 45 tahun meminta seorang perantaraan dipanggil sebagai “Tung Cen” untuk menghubungi semangat Shien Szu Shih yeh supaya dapat menyelesaikan masalah keluarganya. Pada mulanya, “Tung Cen” bertanya apakah masalah yang hendak diselesaikan. Setelah “Tung Chen” faham, beliau menyebut beberapa ayat suci. Tangannya diletak di atas meja dan kepalanya ditundukkan ke bawah, ke atas tangannya. Selepas itu “Tung Cen” berada di dalam keadaan separuh sedar diri dan suaranya bertukar. Kononnya beliau berjaya berhubung dengan semangat itu. “Tung Cen” pun mulai memberi jawapan kepada wanita itu. Nampaknya proses itu memakan masa beberapa minit. Lepas itu surirumah mendermakan kepada tabung kuil.

31 S.M. Middlebrook, *op. cit.*, h. 33.

32 SSF Med. bil. 201/1880, bertarikh 27 Julai, 1880, “Report of Treatment of Chinese Paupers”.

pat di mana pesakit-pesakit dapat menerima ubat-ubat yang ada sahaja. Mengikut J.M. Gullick:<sup>33</sup>

The first hospital in Kuala Lumpur was established in High Street by Yap Ah Loy in the 1870's. It was little more than a death-house. The sick were tended and fed but little or no medical treatment was given — since none was available. If natural causes did not induce a recovery the patient was likely to die.

Yap Ah Loy selalu diminta mendermakan beras, ubat-ubat, pakaian dan lain-lain keperluan kepada hospital itu.<sup>34</sup> Sekiranya tanpa bantuan Yap Ah Loy maka hospital itu tidak dapat meneruskan kegiatan-kegiatan kebajikannya. Di dalam hospital itu terdapat dua puluh lapan katil sahaja dan hanya kes-kes yang merbahaya sahaja diberi keutamaan tinggal di hospital tersebut.

Dari masa ke semasa Yap Ah Loy dengan murah hati mendermakan kepada projek-projek kebajikan yang dianjurkan oleh pihak hospital. Oleh kerana semakin lama semakin ramai pesakit maka pentadbir-pentadbir hospital meminta lebih bantuan daripada Yap Ah Loy, seperti menambahkan lagi jururawat-jururawat, khususnya mereka yang fasih di dalam dua atau tiga bahasa. Yap Ah Loy bukan sahaja menyokong semua projek-projek tersebut malahan pada tahun 1883 beliau telah bekerjasama dengan kerajaan Inggeris untuk menubuhkan Hospital Baru Kuala Lumpur.<sup>35</sup>

Kerja-kerja kebajikan seumpama itu kemudian diteruskan oleh Yap Kwan Seng.<sup>36</sup> Yap Kwan Seng telah berjaya membina Hospital P'ui Shin T'ong, yang kemudiannya menukarkan nama kepada Hospital Tung Shin yang pada hari ini masih berfungsi sebagai sebuah hospital yang terkemuka di Jalan Pudu Kuala Lumpur.

Yap Ah Loy ialah tokoh yang mula-mula sekali membina rumah-rumah orang tua di Kuala Lumpur. Tujuan pembinaan institusi itu ialah untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial di kalangan masyarakat Cina. Sebagaimana yang dimaklumkan kebanyakan buruh-buruh Cina yang berhijrah ke Tanah Melayu itu terdiri daripada lelaki bujang dan mereka tiada keluarga untuk menjaga

33 J.M. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur, 1857 – 1939*, Eastern University Press, Singapore, 1983, h. 152, lihat juga J.M. Gullick, “Kuala Lumpur, 1880 – 1895”, *JMBRAS* Vol. 28, pt. IV, August, 1955, h. 90.

34 Surat bertarikh 27 Julai 1880, dalam *SSF*, bil. 201/1880.

35 J.M. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur*, h. 152, lihat juga J.M. Gullick, “Kuala Lumpur”, h. 90.

36 Yap Kwan Seng ialah Kapitan Cina Kuala Lumpur yang kelima dan juga Kapitan Cina yang terakhir. Beliau menggantikan Yap Ah Shak sebagai Kapitan Cina pada tahun 1889. Lihat Donald Davies, *The Three Capitan of Kuala Lumpur*, h. 10.

mereka. Oleh yang demikian rumah-rumah orang tua itu adalah amat perlu untuk menjaga kebajikan dan keperluan-keperluan mereka yang sudah tua dan uzur.<sup>37</sup>

Pada tiap-tiap tahun baru Cina, Yap Ah Loy akan memberi “Ang Pow” atau wang ringgit yang diselitkan ke dalam bungkusan kecil sebagai hadiah kepada orang-orang tua.<sup>38</sup> Akibat daripada kerja-kerja kebajikan Yap Ah Loy, pihak kerajaan Inggeris telah mulai membina rumah-rumah orang tua di sekitar Selangor. Dengan ini berkembanglah pembinaan institusi-institusi kebajikan itu, khususnya di kawasan Cheras.

Orang-orang miskin yang meninggal dunia selalunya dibantu oleh Yap Ah Loy. Yap Ah Loy akan menderma keranda-keranda serta menguruskan segala keperluan-keperluan upacara pengebumian mengikut adat-istiadat masyarakat Cina. Jasa baik itu dikenang oleh seluruh masyarakat Cina Kuala Lumpur. Towkay-towkay Kuala Lumpur yang mewakili masyarakat Cina Kuala Lumpur pernah menghantar satu rayuan kepada kerajaan British supaya sumbangan jasa-jasa Kapitan China Yap Ah Loy kepada masyarakat Cina dan Kuala Lumpur dikenangi. Di antara isinya adalah seperti berikut:<sup>39</sup>

The Capitan is always glad to see the country prospering. He has done a great deal of good to the sick of this place and has given houses to them, also medicines, food and clothing. Those that dies here he had coffins made for them and we Towkays are very glad that the Capitan has assisted and done everything, and he has the respect of all classes here ... .

Walaupun Yap Ah Loy tidak menerima pelajaran yang tinggi, beliau tahu kepentingan pendidikan. Beliau telah membina sebuah sekolah Cina di Kuala Lumpur. Sekolah itu telah dibina pada tahun 1884 dan merupakan sekolah pertama dibina di Kuala Lumpur.<sup>40</sup>

Bangunan sekolah Cina itu memakan belanja sebanyak lima ratus lima puluh ringgit. Yap Ah Loy pernah membawa masuk guru-guru

37 Wang Chik Yuan, *Yap Tek Loy Chuan*, Kuala Lumpur, 1959, h. 198.

38 Temubual dengan En. Yap Swee Hin. Beliau mengatakan adalah menjadi satu kebiasaan pada Yap Ah Loy, mendermakan wang, pakaian, makanan, hadiah dan “Ang-pow” kepada orang-orang tua pada tahun-tahun baru Cina.

39 SSF, bil. 641/1882, bertarikh 20 November 1882, Towkays of Kuala Lumpur to Resident Selangor, bertajuk Petition for the Farms of Kuala Lumpur to be granted to the Captain Cina.

40 Wang Chik Yuan, *op. cit.*, h. 177, lihat juga J.M. Gullick, “Kuala Lumpur, 1880 – 1895”, h. 101.

dari negara China serta membayar gaji mereka.<sup>41</sup> Kurikulumnya adalah berdasarkan kepada kurikulum di negara China. Murid-murid akan diajar bahasa Cina klasik, membaca, menulis dan mengira. Pada tahun 1885 dilaporkan bahawa terdapat hanya sebelas murid-murid sahaja.<sup>42</sup> Kemudian pada tahun 1886 bilangan murid-murid telah bertambah kepada tiga puluh enam.<sup>43</sup> Berdasarkan kepada peranan dan sumbangannya Yap Ah Loy dalam bidang pendidikan Cina beliau diiktirafkan sebagai tokoh yang mengasaskan pendidikan Cina di Kuala Lumpur.<sup>44</sup>

### YAP AH LOY SEBAGAI PENJAMIN PENIAGA-PENIAGA

Ramai peniaga meminta pertolongan daripada Yap Ah Loy. Mereka meminta bantuan pinjaman dan kemudahan-kemudahan perniagaan seperti memohon lesen berniaga, tanah-tanah, sewa-menyewa dan sebagainya. Di sepanjang tempoh kepemimpinannya rekod-rekod Selangor ada mencatatkan peranan Yap Ah Loy sebagai penjamin kepada towkay-towkay untuk meminjam modal dari kerajaan Inggeris. Beliau pernah menjadi penjamin kepada Kedai Ban Hong Kuala Lumpur, untuk meminjam sejumlah lima ratus ringgit daripada kerajaan Selangor.<sup>45</sup> Towkay kedai itu bersetuju membayar balik jumlah wang yang dipinjam itu dalam tempoh empat bulan bermula dari tarikh pinjaman. Satu contoh lain ialah Yap Ah Loy menolong Towkay Ah Chan dari Kelang untuk mendapatkan tanah-tanah bijih timah di sekitar Selangor.<sup>46</sup>

Sebagai seorang towkay yang pernah melibatkan diri dalam bidang perniagaan daging babi, Yap Ah Loy mengetahui selok-belok dan

41 Temubual dengan En. Yap Swee Hin. Beliau mengatakan Yap Ah Loy pernah membawa masuk guru-guru Bahasa Cina dari negara China untuk mengajar masyarakat Cina di Kuala Lumpur. Semua gaji-gaji dan perbelanjaan sekolah itu dibiayai oleh Yap Ah Loy. Buku-buku Bahasa Cina semuanya diimport dari negara China. Bahasa pengantar yang digunakan ialah bahasa Cina klasik. Ahli-ahli pendidik dari aliran Cina berpendapat Yap Ah Loy sebagai tokoh yang mengasaskan pendidikan Cina di Kuala Lumpur.

42 SSF, bil. 494/1896, School Returns Report.

43 *Ibid.*, lihat juga J.M. Gullick, “Kuala Lumpur, 1880 – 1895”, h. 101.

44 Temubual dengan En. Yap Yoke Kong. Beliau mengatakan selain daripada bahasa Cina klasik, murid-murid juga diajar tentang sejarah China, ilmu hisab dan juga ilmu alam. Oleh itu beliau bersetuju bahawa Yap Ah Loy ialah tokoh yang mula-mula sekali mengembangkan pendidikan Cina di Kuala Lumpur. Akibat daripada usahanya, sekolah-sekolah Cina seperti Kuen Chen, Chung Kok dan sebagainya mulai dibina di Kuala Lumpur.

45 SSF, bil. 357/1883, From Chop Ban Hong, K.L., bertarikh 31 Mac, 1883.

46 SSF, bil. 18/1875, Ask Capitan China to assist Towkay Ah Chan to work in Selangor.

masalah-masalah yang dihadapi oleh towkay-towkay Cina. oleh itu beliau menolong mereka, menjadi penjamin, dan juga meminta supaya kerajaan Inggeris menghapuskan cukai-cukai babi. Secara tidak langsung dengan penghapusan cukai-cukai tersebut masyarakat Cina dapat menikmati daging itu dengan harga yang lebih murah.

Pada masa itu seseorang yang menyembelih seekor babi dengan tujuan berniaga akan dikenakan cukai sebanyak seringgit, tidak kira babi itu diimport dari negeri lain ataupun babi tempatan.<sup>47</sup> Yap Ah Loy merayu supaya kerajaan menghapuskan cukai ke atas babi-babi tempatan yang disembelih di Kuala Lumpur, dengan alasan wang itu dapat digunakan untuk kebajikan, khususnya menderma hospital orang-orang miskin. Amalan ini merupakan satu kebiasaan di dalam masyarakat Cina baik di Tanah Melayu mahupun di Negeri-negeri Selat seperti Singapura.<sup>48</sup> Mengikut Yap Ah Loy daging itu penting kerana adalah menjadi adat orang-orang Cina menyembelih babi-babi secara besar-besaran pada hari-hari perayaan. Ini termasuklah Hari Tahun Baru Cina, dan hari-hari pemungutan hasil bijih timah. Sekiranya British tidak bertolak ansur mungkin ramai orang Cina akan berhijrah ke negeri lain, dan ini pasti akan merugikan kerajaan.<sup>49</sup>

### YAP AH LOY SEBAGAI “KHEK-TAU”<sup>50</sup>

Di antara peranan Yap Ah Loy dari segi sosial, peranan “Khek-Tau” merupakan salah satu daripada yang terpenting. Pada masa itu Yap Ah Loy bukan sahaja menguruskan penghijrahan buruh-buruh Cina untuk bekerja di lombong-lombong dan kilang-kilangnya malahan juga menolong kerajaan Inggeris dan syarikat-syarikat Eropah untuk mendapatkan tenaga buruh yang murah.<sup>51</sup>

47 SSF, bil. 1229/1883 bertajuk \$1, duty on pigs slaughtered.

48 Dr. Y.K. Lee, Singapore’s Pauper and Tan Tock Seng Hospitals (1819 – 1873), parti 1, *JMBRAS*, vol. 48, part 2, No. 228, 1975 hal. 82 – 83, “In Penang all that time, the monopoly of killing pigs and selling pork was awarded by auction, and was known as the Pork Farm. The Rentier or Farmer had authority to demand one dollar from anyone else (except European butchers), for every pig killed. The revenue form the auction of the Pork Farm was used to support a poor house infirmary ... The Pork Farm was also to play an important part in the history of the Pauper Hospital in Singapore ...”.

49 SSF, bil. 1229/1883, *op. cit.*

50 “Khek-Tau” ialah seorang yang bertanggungjawab menguruskan penghijrahan orang-orang Cina dari negara China ke Tanah Melayu. Biasanya “Khek-Tau” itu terdiri daripada ketua masyarakat Cina.

51 SSF, Ry. bil. 1524/1886, bertajuk: The labour sent down by Capitan China.

Kepentingan peranan Yap Ah Loy itu diakui oleh seorang saudagar Eropah yang mengatakan walaupun syarikat-syarikat Eropah di Tanah Melayu mempunyai modal dan kemudahan-kemudahan untuk menguruskan penghijrahan buruh-buruh Cina bagi keperluan mereka tetapi syarikat-syarikat itu masih bergantung kepada Yap Ah Loy untuk membekalkan tenaga buruh-buruh Cina.

Syarikat-syarikat Eropah seperti Hill and Rathborne, Selangor Tin Mining Company, dan Messrs. Guthrie & Co. selalu memerlukan bantuan daripada Yap Ah Loy untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh-buruh.<sup>52</sup>

Sebenarnya tenaga buruh-buruh Cina yang murah itu memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan ekonomi di Tanah Melayu. Mengikut L.A. Mills, pada masa itu, semua projek-projek pembangunan bergantung kepada tenaga buruh Cina. Ini disebabkan penghijrah-penghijrah Cina, kebanyakannya telah menerima latihan kemahiran baik di bidang perlombongan maupun di bidang perindustrian. L.A. Mills mengatakan:<sup>53</sup>

... a third of the mines were worked by Chinese, the plantations depended on them for much of their labour while the artisans, small tradesmen, and the employees of the great merchants were on the whole Chinese ... The Chinese can claim no small share of the credit for creating British Malaya.

Oleh yang demikian dapatlah kita membayangkan betapa pentingnya peranan Yap Ah Loy di dalam menguruskan penghijrahan buruh-buruh tenaga Cina ke Tanah Melayu semasa itu.


Yap Ah Loy adalah seorang “Khek-Tau” yang bertimbang rasa. Beliau memahami bahawa kehidupan seorang buruh hijrah itu amat susah. Yap Ah Loy berusaha melihat supaya buruh-buruhnya mendapat makanan yang cukup, sihat serta juga memastikan mereka menerima gaji yang telah dijanjikan oleh pihak majikan. Ini disebabkan pada masa itu terdapat majikan-majikan yang tidak mengambil berat kebijakan pekerja-pekerjanya.<sup>54</sup> Ada di antara mereka dipukul dan disiksa oleh majikan-majikan, sehingga mereka tidak diberi makanan, malahan ada yang tidak menerima gaji mereka.

Dari satu sudut yang lain kemasukan buruh-buruh ke Tanah Melayu bukan sahaja dapat memenuhi keperluan-keperluan tenaga

52 SSF, Ry, bil. 1515/1886, From Messrs Guthrie & Co. to Capitan China.

53 L.A. Mills, The Chinese in British Malaya, *JMBRAS*, Volk. 33, part 3, No. 191, Nov. 1960, h. 235.

54 W.L. Blythe, “Historical Sketch of Chinese Labour in Malaya”, *JMBRAS*, vol. 20, pt. 1, June 1947, h. 81.



Gambarajah Menunjukkan Struktur Hiraki Kongsi Gelap Hai San

Sumber: Mak Lau Fong, *The Sociology of Secret Societies in Singapore and Peninsular Malaysia*, h. 67.

buruh, tetapi juga dapat menambahkan kekuatan dan pengaruh kongsi gelap Hai San.<sup>55</sup>

55 Temubual dengan Dr. Chen Hock Tong. Mengikut kajian beliau satu daripada peranan Yap Ah Loy yang penting ialah menguruskan pengimportan buruh-buruh Cina ke Tanah Melayu, kerana tenaga buruh mereka amat diperlukan untuk pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun beliau mengatakan pengimportan buruh-buruh dari negara Cina juga merupakan satu cara di mana Yap Ah Loy dapat menambahkan bilangan ahli kongsi gelapnya.

## KETUA KONGSI GELAP HAI SAN

Satu perkara yang menimbulkan minat di sini ialah bagaimanakah Yap Ah Loy dapat mengekalkan wibawa dan kuasanya sebagai seorang Kapitan Cina sehingga beliau boleh memainkan peranan yang begitu penting? Untuk membincangkan soalan itu kita mesti membuat satu kajian sejarah sosial masyarakat Cina pada masa itu.

Masyarakat Cina berhijrah ke Tanah Melayu sebuah negara yang mempunyai bahasa, kebudayaan, undang-undang dan adat-resam yang berbeza. Keadaan itu menyebabkan mereka cenderung membentuk permaufakatan di antara sahabat-sahabat mereka. Penghijrah-penghijrah amat memerlukan permaufakatan kongsi gelap dan ketua mereka untuk memberi perlindungan. Oleh yang demikian ketua atau “Tai Koh” mereka mesti merupakan seorang yang mempunyai ciri-ciri kepemimpinan, kepintaran, berani serta dapat dipercayai oleh masyarakatnya.<sup>57</sup>

Yap Ah Loy ialah seorang yang mempunyai semua ciri-ciri tersebut. Beliau dipilih sebagai ketua kongsi gelap Hai San. Yap Ah Loy telah memainkan peranan yang penting di dalam penyelesaian masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik di kalangan permaufakatan Hai San.

Dari segi struktur politik di dalam permaufakatan Hai San, Yap Ah Loy ialah seorang pemerintah di kalangan masyarakat Cina Kuala Lumpur. Kongsi gelap Hai San ialah sebuah pertubuhan separa-militari dan mempunyai satu hiraki yang tersendiri. Di dalam struktur hiraki Hai San seperti kongsi-kongsi gelap yang lain, “Tai-Koh” itu disebut sebagai “General Headman”. Di muka sebelah ialah satu gambarajah menunjukkan sistem hiraki di dalam struktur kongsi gelap Hai San.<sup>58</sup>

Pada hakikatnya Yap Ah Loy sebagai seorang ketua kongsi gelap tidak melibatkan diri secara langsung di dalam hal-ehwal perjalanan

56 Mengikut Dato' Abdul Rahman B. Hj. Ismail, kongsi gelap ataupun “Secret Society” adalah satu pertubuhan permaufakatan Cina, biasanya ia juga dipanggil sebagai “Permaufakatan Hung” dan juga “Triad Society”, walau bagaimanapun kongsi-kongsi gelap di Tanah Melayu mempunyai beberapa nama yang tersendiri, seperti “Ang Bin Huay”, Ghee Hin, Toh Peh Kong dan sebagainya. Kongsi-kongsi gelap telah mulai ditubuhkan di Tanah Melayu seawal-awal pada 1786, dengan pembukaan Pulau Pinang oleh Francis Light. Lihat surat Dato' Abdul Rahman B. Hj. Ismail, bertarikh 23 hb. Januari 1984.

57 Surat Dato' Abdul Rahman bin Hj. Ismail, h. 8 – 9.

58 Mak Lau Fong, *The Sociology of Secret Societies: A Study of Chinese Society in Singapore and Peninsula Malaysia*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981, h. 67, lihat juga Gustave Schlegel, *The Hung League, Thian Ti Hwui*, New York, 1973, h. 47.

kegiatan-kegiatan kongsi gelap sehari-hari. Beliau diberitahu oleh ahli-ahlinya yang lain berkenaan dengan aktiviti-aktiviti mereka seperti keadaan perniagaan, hak nonopoli jual-beli, pelacuran, perjudian ataupun apa-apa sahaja berita yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur. Mereka yang memberitahu maklumat-maklumat itu kepada Yap Ah Loy terdiri daripada ketua daerah,<sup>59</sup> Bendahari, Pembantu dan Panglima-panglimanya, manakala tugas cikgu dan pengadil ialah sebagai orang yang menasihatkan Yap Ah Loy di dalam perjalanan aktiviti sehari-hari. Ini termasuklah hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas ahli-ahli yang menderhaka. Oleh kerana kedudukan cikgu dan pengadil itu tinggi maka mereka juga tidak melibatkan diri secara langsung di dalam hubungan hiraki kongsi gelap Hai San. Panglima-panglima merupakan askar-askar Yap Ah Loy yang paling taat setia.<sup>60</sup>

Jadi berdasarkan kepada peranan dan kedudukan Yap Ah Loy sebagai ketua kongsi gelap Hai San dapatlah kita bayangkan betapa kuat pengaruhnya di kalangan masyarakat Cina Kuala Lumpur.

Yap Ah Loy sentiasa menjaga kedudukan permaufakatan supaya ianya tidak dijejaskan oleh pengaruh kongsi-kongsi gelap yang lain. Di sepanjang sejarah kepimpinan Yap Ah Loy pergolakan dan pertembungan di antara kongsi-kongsi gelap merupakan satu masalah yang membimbangkan. Sekiranya Yap Ah Loy tidak dapat mematahkan segala pengaruh kongsi-kongsi gelap di Selangor, ini bermakna kedudukan dan peranan beliau sebagai ketua masyarakat Cina Selangor akan menghadapi cabaran. Ramai mereka yang ingin merampas kuasa daipada Yap Ah Loy. Memandangkan struktur sosial masyarakat Cina pada masa itu yang mempunyai beberapa kongsi gelap mengikut daerah dan dialek maka Yap Ah Loy terpaksa berhati-hati untuk mengatasi masalah-masalah persaingan perebutan kuasa daripada mereka. Misalnya golongan Hokkien memasuki permaufakatan Kian Teik atau Toh Peh Kong<sup>61</sup> yang amat kuat di Pulau Pinang pada satu ketika, manakala golongan Kantonese memasuki permaufakatan Ghee Hin.

59 Ketua daerah di sini bermaksud ketua kongsi gelap di dalam sesebuah daerah yang bertanggungjawab kepada Yap Ah Loy.

60 Taat setia panglima-panglima Yap Ah Loy dapat dilihat dari segi penglibatan mereka di dalam perperangan Kuala Lumpur. Panglima-panglima Yap Ah Loy termasuklah Chung Fung, Tung Khoon, Chung Piang, Hui Fatt dan sebagainya.

61 Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850 – 1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, h. 111 – 112.

Yap Ah Loy sebagai ketua kongsi gelap Hai San telah berusaha menjalankan beberapa langkah untuk menjaga kepentingan permaufakatannya. Misalnya pada tahun 1884, sebuah pertubuhan kongsi gelap dari Melaka ingin bertapak dan meluaskan pengaruhnya ke Selangor. Kongsi gelap itu ialah permaufakatan Hoh Beng dan ianya ada hubungan dengan kongsi-kongsi gelap di Singapura. Yap Ah Loy yang menggunakan kedudukan dan statusnya sebagai seorang Kapitan telah mendesak Pengguna Polis Syers supaya mematahkan kongsi gelap Hoh Beng.<sup>62</sup>

Dengan kerjasama dan bantuan dari Yap Ah Loy, Syers berjaya mematahkan kegiatan-kegiatan Hoh Beng. Syers di dalam laporan polisnya berasa terhutang budi kepada Yap Ah Loy di atas kerjasamanya.

Sebenarnya Yap Ah Loy tidak mahu kongsi-kongsi gelap lain bersaing dengan kongsi gelap Hai San. Oleh itu beliau menolong Syers, tetapi disebaliknya demi untuk keselamatan kongsi gelap Hai San beliau mengatakan kepada Syers tiada lagi wujud kongsi-kongsi gelap yang lain di Selangor.

Oleh hal yang demikian, semakin lama semakin kuatlah kongsi gelap Hai San di Selangor. Kekuatan dan pengaruh kongsi gelap Hai San telah secara tidak langsung membentuk ia melibatkan diri di dalam pergolakan politik Tanah Melayu. Semasa pergolakan politik di Selangor berkaitan dengan rebutan kuasa di antara Raja Mahadi dengan Tengku Kudin, Yap Ah Loy telah memihak kepada Tengku Kudin untuk menentang Raja Mahadi.<sup>63</sup> Walau bagaimanapun penglibatan kongsi gelap Hai San di dalam pergolakan politik Selangor juga disebabkan tujuan untuk mendapat sokongan daripada pihak yang berkuasa.

Selain daripada itu Yap Ah Loy juga memainkan peranan sebagai pelindung dan memberi kebajikan kepada ahli-ahli permaufakatannya. Kebajikan dan jaminan perlindungan merupakan aspek-aspek penting di dalam permaufakatan Cina.<sup>64</sup> Dengan itu mereka tidak

62 J.M. Gullick, “Kuala Lumpur, 1880 – 1895, Appendix A, h. 135 – 136. Report by the Superintendent of police Selangor.

63 Keterangan lanjut tentang Raja Mahadi, lihat Mohd Amin Hassan, “Raja Mahadi bin Raja Sulaiman”, *Peninjau Sejarah*, vol. 1, no. 2, 1966.

64 Temubual dengan Prof. Khoo Kay Kim, pada 4 Disember, 1983, di pejabatnya beliau mengatakan peranan kongsi-kongsi gelap sebelum ianya diharamkan, merupakan satu pertubuhan sosial, ekonomi dan politik masyarakat yang penting. Pada awal abad ke 19, masyarakat Cina bergantung kepada kongsi-kongsi gelap untuk perlindungan. Kongsi-kongsi gelap juga menolong mereka mencari pekerjaan serta juga menguruskan penghijrahan buruh-buruh Cina dari negara Cina ke Tanah Melayu.

menghadapi masalah pengangguran, malahan keranda mereka juga dibiayai, sekiranya mereka meninggal dunia. Kebajikan-kebajikan dan perlindungan yang disebut itu memang telah diberikan oleh Yap Ah Loy kepada ahli-ahli kongsi gelap Hai San. Pada orang-orang Cina dahulu, semua jaminan itu penting. Mereka percaya apabila mereka meninggal dunia, mayat mereka mesti dikebumikan di dalam sebuah keranda yang baik. Upacara-upacara pengkebumian yang diuruskan oleh beberapa orang bomoh Cina perlu dijalankan supaya semangat dan mayat mereka dapat dipelihara dengan baik. Kononnya, dengan itu mereka akan dapat kebahagian di dunia baru. Jaminan dan janji-janji itu memang dilaksanakan oleh kongsi-kongsi gelap.<sup>65</sup>

Cara pengambilan ahli-ahli kongsi gelap itu dijalankan melalui sumpah yang berunsur “ritual”<sup>66</sup> atau keagamaan yang mereka amalkan. Ini bukan sahaja mengeratkan hubungan di antara ahli-ahlinya malahan mereka sentiasa menjaga nama baik dan kepentingan permaufakatan mereka. Semua ahli-ahli patuh kepada undang-undang permaufakatan. Arahan-arahan ketua mereka mesti dipatuhi. Seseiapa yang tidak mematuhi undang-undang akan dihukum bunuh. Mengikut Munshi Abdullah:<sup>67</sup>

“Engkau tahu bagaimana adat muafakat ini? Maka jawab orang itu, “Tahu, iaitu bersumpah meminum darah.” “Kemudian apa lagi? Kata orang besar itu. Maka jawabnya, “Tiada boleh membukakan sebarang suatu rahsia kepada orang asing lain daripada muafakat ini, redhalah sahaja dibunuh.”<sup>68</sup>

Jadi jelaslah permaufakatan di antara ketua kongsi gelap dengan ahli-ahli mereka adalah berdasarkan kepada etika-etika masyarakat

<sup>65</sup> Mengikut Prof. Khoo Kay Kim, semasa temubual dengan penulis, beliau bersetuju bahawa pertubuhan kongsi-kongsi gelap betul-betul menjamin kebajikan dan kepentingan ahli-ahlinya. Beliau pernah melihat satu upacara pengebumian seorang ahli kongsi gelap dari pertubuhan “Ang Bin Hui” di Teluk Intan. Ramai ahli-ahli kongsi gelap itu menjalankan tanggungjawab dan menolong keluarga si mati di dalam upacara itu.

<sup>66</sup> Surat Dato Abdul Rahman bin Hj. Ismail, h. 2.

<sup>67</sup> Munshi Abdullah semasa di Singapura pernah menyamar sebagai seorang ahli kongsi gelap “Thian Ti Hui”. Di dalam bukunya beliau telah mencatatkan apa yang beliau lihat semasa orang-orang Cina menjalankan upacara “ritual” pengambilan ahli-ahli kongsi gelap yang baru. Semua ahli-ahli kongsi gelap dikehendaki bersumpah meminum darah bercampur dengan arak supaya mereka taat setia kepada ketua dan permaufakatan mereka. Sekiranya mereka melanggar undang-undang permaufakatan, merka akan dihukum bunuh.

<sup>68</sup> Munshi Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah*, Jilid kedua, Singapura, 1947, h. 227.

Cina, di mana “Tai-Koh” berperanan sebagai pelindung dan menjaga kebajikan ahli-ahlinya.

Yap Ah Loy adalah seorang perantaran yang pintar. Di antara kapitan-kapitan Cina Kuala Lumpur beliau merupakan Kapitan Cina yang paling disukai ramai. Peranan beliau sebagai seorang penghubung dapat dicerminkan melalui cara diplomasinya yang halus dan pintar dengan pihak kerajaan Inggeris, Sultan Abdul Samad serta juga pembesar-pembesar Selangor pada masa itu. Sebenarnya perhubungan-perhubungan itu adalah perhubungan-perhubungan politik Yap Ah Loy, di mana beliau ingin menambahkan kekuatan dan pengaruhnya sebagai seorang Kapitan Cina Kuala Lumpur.

#### PERHUBUNGAN YAP AH LOY DENGAN PIHAK BRITISH

Perhubungan Yap Ah Loy dengan kerajaan Inggeris telah pun dijalankan sejak beliau dilantik sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur. Untuk mendapatkan lebih kuasa dan pengaruh supaya kerajaan Inggeris membiarkan Yap Ah Loy meneruskan pentadbiran Kuala Lumpur, beliau seharusnya mengeratkan perhubungan baik dengan kerajaan Inggeris, di samping menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang berkebolehan.

Pihak British hanya memberi kuasa pentadbiran Kuala Lumpur kepada Yap Ah Loy, sekiranya beliau dapat membuktikan kebolehan dan kejayaan projek-projek pembangunannya. Dari masa ke semasa kerajaan menghantar pegawai-pegawai untuk membuat laporan mengenai peranan Yap Ah Loy dan kemajuan Kuala Lumpur. Misalnya mengikut catatan harian Frank Swettenham, pada 27 Mac 1875, beliau diarahkan oleh kerajaan Inggeris melawat ke Kuala Lumpur untuk melihat perkembangan dan kemajuan Kuala Lumpur di bawah pentadbiran Yap Ah Loy<sup>69</sup>.

Semasa Swettenham di Kuala Lumpur Yap Ah Loy sendiri menemani beliau berkunjung ke merata-rata tempat di sekitar Kuala Lumpur, termasuklah memberi penerangan-penerangan mengenai jalan-jalan raya yang baru dibina olehnya. Tujuannya untuk memberitahu kepada kerajaan Inggeris bahawa Kuala Lumpur telah mengalami kemajuan yang pesat di bawah pentadbiran Yap Ah Loy. Tambahan lagi Yap Ah Loy juga mengiringi Frank Swettenham melawat ke lombong-lombong bijih timah di sekitar Kuala Lumpur.

Sekumpulan pelakon wayang opera juga dijemput untuk mengadakan pertunjukan. Frank Swettenham amat gembira dengan layanan dan diplomasi Yap Ah Loy. Lawatan Swettenham ke Kuala

---

<sup>69</sup> Frank Swettenham's Malayan Journals, 1874 – 1896, eds. P.L. Burns and C.D. Cowan, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, h. 220.

Lumpur telah mengeratkan hubungan baik di antara kerajaan Inggeris dengan Yap Ah Loy. Swettenham telah membuat satu laporan tentang kemajuan Kuala Lumpur kepada pihak kerajaan Inggeris, mengatakan bahawa Kuala Lumpur telah mengalami kemajuan, khususnya dalam sistem pengangkutan.<sup>70</sup> Tambahan lagi keamanan dan kesejahteraan masyarakat Kuala Lumpur pada masa itu telah meyakinkan British, supaya membiarkan Yap Ah Loy meneruskan pemerintahan autonominya di Kuala Lumpur.

Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Federick Weld juga melahirkan rasa sukacita dan memuji kebolehan Yap Ah Loy di dalam memerintah Kuala Lumpur dengan aman dan damai. Pada tahun 1880, Sir Federick Weld melawat ke Kuala Lumpur.<sup>71</sup> Tujuannya ialah mengeratkan hubungan masyarakat Cina dengan kerajaan Inggeris, serta juga membuat laporan mengenai Kuala Lumpur. Beliau seperti Frank Swettenham merasa amat puas hati dengan perkembangan Kuala Lumpur di bawah pentadbiran Yap Ah Loy, khususnya kerjasama Yap Ah Loy dengan pihak polis untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan Kuala Lumpur. Mengikut laporan Frank Swettenham:<sup>72</sup>

I attribute the immunity from serious crime enjoyed by this state (Selangor) to the fact that all the Chinese headmen are on good terms with the government . . . .

Yap Ah Loy sengaja menguruskan kedatangan sekumpulan pelakon profesional wayang opera dari negara China untuk mengadakan persembahan kepada Sir Federick Weld. Weld amat kagum dengan persembahan tarian dan opera klasik, khasnya corak pakaian tradisi orang-orang Cina. Mengikut Lady Alice Lovat, Federick Weld serta pengikut-pengikutnya diberi layanan yang istimewa. Kedatangan mereka dialu-alukan dengan letupan mercun atau “Fire-crackers”.<sup>73</sup> Akhirnya Sir Federick Weld bagi pihak kerajaan British mengucapkan terima kasih kepada Yap Ah Loy.

#### PERHUBUNGAN YAP AH LOY DENGAN SULTAN ABDUL SAMAD

Sejak Yap Ah Loy menjadi Kapitan Cina Kuala Lumpur beliau telah mengadakan hubungan yang baik dengan Sultan Abdul Samad. Atas

<sup>70</sup> *Swettenham Papers*, Item 72 — Report of H.B.M’s, Asst. Resident at Selangor, 1st. March, 1875.

<sup>71</sup> C/O. bil. 273/122, Weld to Derby, dated 5th September 1883.

<sup>72</sup> Frank Swettenham, British Resident of Selangor, *Selangor Annual Report*, 1887, h. 9, para 30, lihat juga J.P. Roger, Acting British Resident, Selangor, *Selangor Annual Report*, 1886, h. 7, para 42.

<sup>73</sup> Alice Lovat, *The Life of Sir Federick Weld*, John Murray, London, 1914, h. 286 – 291.

hubungan baik Yap Ah Loy dengan Sultan Abdul Samad, beliau bukan sahaja diiktirafkan sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur bahkan juga diberikan banyak kemudahan seperti hak melombong bijih timah di negeri Selangor.<sup>74</sup>

Perhubungan baik Yap Ah Loy dengan Sultan Abdul Samad itu penting kerana ianya bukan sahaja mencerminkan semangat muhibbah dan permaufakatan di antara mereka malahan juga menyumbangkan kepada keamanan dan kesejahteraan di Selangor. Keadaan itu dapat dibayangkan melalui lawatan Sultan Abdul Samad ke Kuala Lumpur.

Pada tahun 1879 Baginda Sultan Abdul Samad bersama-sama dengan Bloomfield Douglas selaku Resident British di Selangor melawat Kuala Lumpur.<sup>75</sup> Tujuan lawatan itu ialah untuk melihat sejauh manakah perkembangan bandar Kuala Lumpur. Baginda Sultan Selangor juga ingin berjumpa dengan rakyat Selangor dan bertanya-tanya mengenai kehidupan mereka. Yap Ah Loy menggunakan kesempatan itu untuk mengeratkan hubungannya dengan Sultan Abdul Samad dengan memberi layanan yang istimewa sekali kepada Baginda.

Dalam lawatan tersebut rakyat Selangor yang terdiri daripada orang-orang Mandeling, Rawa, Minangkabau, Melayu dan Cina memberi penghormatan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultal Abdul Samad Selangor. Kapitan Cina Yap Ah Loy dan Towkay Yap Ah Shak dan towkay-towkay lain yang memakai baju tradisi Cina turut menerima keberangkatan Sultan Selangor. Sebagai satu tanda kedaulatan dan kewibawaan Sultan Selangor beberapa das meriam ditembakkan. Sultan Abdul Samad amat gembira atas penghormatan dan layanan yang diberi oleh Yap Ah Loy semasa lawatan Baginda ke Kuala Lumpur.

Selepas lawatan Baginda Sultan Abdul Samad, Baginda melahirkan perasaan amat puas hati terhadap kehidupan rakyat Selangor khususnya masyarakat Cina di Kuala Lumpur. Keadaan keamanan dan kesejahteraan Kuala Lumpur, itu mencerminkan kecekapan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur.

Perhubungan diplomatik Yap Ah Loy dengan pembesar-pembesar Selangor mencerminkan beliau sebagai seorang ahli diplomasi yang pintar. Sejak tahun 1869 lagi Yap Ah Loy telah mendapat sokongan dan bantuan daripada pembesar-pembesar Selangor untuk mendapatkan tanah-tanah melombong malahan melalui diplomasisnya

<sup>74</sup> Emily Sadka, *The Protected Malay States*, h. 18 – 19.

<sup>75</sup> J.M. Gullick, "Bloomfield Douglas Diary", *JMBRAS*, Vol. 48, part 2, No. 228, 1975, h. 32.

yang halus pembesar-pembesar Selangor akhirnya pada tahun 1870 bersetuju melantik beliau sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur.

Pembesar-pembesar Selangor yang mempunyai hubungan yang rapat bekerjasama dengan Yap Ah Loy di dalam banyak hal-ehwal pentadbiran Kuala Lumpur ialah Sutan Puasa, Raja Asal, Raja Mahadi dan juga Tengku Kudin. Misalnya sebelum perang Kuala Lumpur, Raja Mahadi bekerjasama dengan Yap Ah Loy untuk menghapuskan bangsat-bangsat Cina yang paling merbahaya di Selangor,<sup>76</sup> yakni dua orang dari suku Hakka Fui Chiew, yang bernama Wong Tab Ku dan Ho Kim Shin, dihukum mati oleh Raja Mahadi.

Walau bagaimanapun semasa perang Kuala Lumpur Yap Ah Loy telah berpaling tada dan memihak kepada Tengku Kudin untuk menentang Raja Mahadi. Ini juga merupakan satu taktik hubungan diplomatik Yap Ah Loy. Pada hakikatnya Yap Ah Loy boleh dikatakan telah membuat fitnah ke atas Raja Mahadi yang sentiasa membantunya. Akan tetapi Sultan Abdul Samad telah pun melantik Tengku Kudin sebagai Viceroy Selangor dan mengenepikan Raja Mahadi. Akibat daripada itu Raja Mahadi telah bermusuhan dengan Tengku Kudin, maka Yap Ah Loy terpaksa membuat fitnah, dan memihak kepada Tengku Kudin, yakni pihak yang berkuasa demi untuk mempertahankan kedudukannya sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur.

Jadi perhubungan Yap Ah Loy dengan pembesar-pembesar Selangor telah menyebabkan beliau melibatkan diri di dalam rebutan kuasa di Selangor. Walau bagaimanapun akhirnya Yap Ah Loy berjaya bukan sahaja mengalahkan musuh-musuhnya tetapi juga dapat mengekalkan kedudukannya sebagai Kapitan Cina Kuala Lumpur sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1885.

Pada keseluruhannya peranan dan jasa-jasa Kapitan Cina Yap Ah Loy ke atas masyarakat Cina yang terbesar ialah menjaga keamanan dan kesejahteraan Kuala Lumpur. Ini dapat dibutikan melalui laporan-laporan pegawai British seperti laporan Frank Swettenham, Isabella Bird, Maxwell, Syers dan juga Douglas. Beliau telah membina kuil Hsien Szu Shih Yeh Miao, sebuah hospital untuk orang-orang miskin, sekolah-sekolah Cina serta juga mendermakan tanah-tanah untuk membina persatuan-persatuan Cina seperti Persatuan Fui Chiew Kuala Lumpur.<sup>77</sup> Di samping itu Yap Ah Loy telah

<sup>76</sup> Ranu Dally, *Yap Ah Loy*, h. 4, para 29, lihat juga S.M. Middlebrook, *op. cit.*, h. 37 – 38.

<sup>77</sup> Temubual dengan En. Yap Nyok Tung pada 15 Ogos, 1983, beliau mengatakan Yap Ah Loy secara murah hati telah mendermakan sekeping tanah untuk membina Persatuan Fui Chew di Kuala Lumpur.

banyak menolong peniaga-peniaga dan towkay-towkay Cina bukan sahaja dengan menjadi penjamin mereka malahan merayu kepada kerajaan Inggeris supaya meringankan beban cukai-cukai mereka. Yap Ah Loy telah menjaga keselamatan dan kebajikan umum dan telah membuktikan kepada masyarakat Cina bahawa beliau ialah seorang ketua kongsi gelap Hai San yang mempunyai wibawa dan kuasa. Yap Ah Loy dapat juga mengekalkan hubungan baik dengan British dan masyarakat Melayu. Sambutan meriah yang diberikan kepada pelawat-pelawat di Kuala Lumpur mengambarkan bahawa Yap Ah Loy adalah seorang yang pintar dalam mengambil hati pemimpin-pemimpin British dan Melayu. Faktor ini mungkin tidak kurang pentingnya daripada faktor-faktor lain yang sama-sama menyumbangkan kepada kejayaan Yap Ah Loy.